

09/04/1997

Menteri Luar Cuba lawat Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa - Menteri Luar Cuba, Roberto Robaina Gonzalez akan tiba di sini esok untuk melakukan lawatan rasmi lima hari, menurut Kementerian Luar.

Sejurus selepas ketibaannya, Robaina, yang akan diiringi beberapa pegawai kanan kerajaan, akan melawat Taman Teknologi di Bukit Jalil, menurut kementerian itu dalam satu kenyataan hari ini.

Pada hari Khamis, Robaina akan melakukan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sebelum itu, beliau akan menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau akan juga mengunjungi Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, yang mengetuai satu rombongan pemimpin Barisan Nasional melakukan lawatan kerja lima hari ke Cuba Februari lalu. - Bernama

(END)